

**UCAPAN YBHG. TAN SRI ABDUL GANI PATAIL  
PENGERUSI  
LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION  
UNDANG-UNDANG, MALAYSIA**

**PADA MAJLIS KONVOKESYEN KE-18  
PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN 2012**

**TARIKH : 13 MAC 2013 (RABU)**

**MASA : 2.30 PETANG**

**TEMPAT : DEWAN TUN HUSSEIN ONN  
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA,  
KUALA LUMPUR**

---

Bismillahi Rahmani Rahim.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Menghadap Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.

**Ampun Tuanku,**

Patik dan Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan amat berbesar hati kerana Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan sekali lagi untuk berangkat hadir ke Majlis Konvokesyen kelapan belas, Peperiksaan Sijil Amalan Guaman Tahun 2012 yang telah dikendalikan oleh Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang, Malaysia.

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Azlan Shah sejak Majlis Konvokesyen kedua bagi Peperiksaan Sijil Amalan Guaman Tahun 1997 dan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Majlis yang sama sejak Konvokesyen keempat belas bagi Peperiksaan Sijil Amalan Guaman Tahun 2008 mencerminkan keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan dan Tuanku mengenai perkara yang melibatkan profesion undang-undang di Negara ini.

Patik dan Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah serta menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk berangkat ke Majlis ini dan menyampaikan Titah Ucapan. Patik semua senantiasa berdoa agar Duli Yang Maha Mulia

Tuanku dicucuri rahmat oleh Allah Subhanahu Wa Taala dan dilanjutkan usia dengan kesihatan baik yang berlanjutan.

**Ampun Tuanku,**

Patik pohon limpah perkenan Duli Tuanku untuk mengizinkan patik menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian.

**Ampun Tuanku,**

Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya,

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan,

Yang Arif Hakim-Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman, Mahkamah Tinggi,

Yang Arif dan Yang Berusaha Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang, Malaysia,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato' dan Datin-Datin,

Para Lulusan dan Ibu Bapa, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Saya bersyukur kepada Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat meraikan penerima Sijil Amalan Guaman di Majlis Konvokesyen ini. Bagi pihak Lembaga Kelayakan, saya mengalu-alukan kehadiran semua jemputan, para lulusan dan ahli keluarga mereka pada hari yang bersejarah ini.

Pada tahun ini, genaplah 30 tahun Peperiksaan Sijil Amalan Guaman dikendalikan oleh Lembaga Kelayakan. Hampir 10,000 lulusan Sijil Amalan Guaman telah dihasilkan sejak peperiksaan ini mula diadakan pada tahun 1984. Dalam menjalankan fungsinya di bawah Akta Profesional Undang-Undang 1976, Lembaga Kelayakan senantiasa berusaha memastikan standard pendidikan undang-undang di Negara ini dan kelayakan yang membolehkan pemegangnya menjadi "orang berkelayakan" di bawah Akta itu terpelihara.

Perkara mengenai kemerosotan kualiti graduan dan pengamal undang-undang serta kebolehpasaran mereka dalam kalangan majikan di dalam dan di luar negara sejak kebelakangan ini semestinya telah mendapat perhatian Lembaga. Malahan kualiti calon-calon Peperiksaan Sijil Amalan Guaman yang dapat dilihat secara jelas melalui skrip-skrip jawapan mereka saban tahun, dan yang sebahagian besarnya tidak seperti yang diharapkan, telah menjadi keimbangan kepada Lembaga mutakhir ini.

Hasil perbincangan yang diadakan dengan Pengerusi Majlis Peguam, yang juga merupakan salah seorang Ahli Lembaga, saya telah bersetuju supaya suatu pasukan petugas atau *high-level task force* ditubuhkan untuk mengkaji semula kedudukan pendidikan undang-undang di Negara ini dan mengemukakan cadangan mengenai cara untuk mempertingkatkan standard graduan undang-undang ke tahap yang lebih cemerlang. Pandangan daripada semua pihak yang berkepentingan akan diperoleh demi memantapkan lagi sektor undang-undang. Ini adalah seiring dengan program transformasi Kerajaan. Sekiranya semua pihak yang terlibat dalam sektor undang-undang tidak mencari jalan penyelesaian yang segera kepada isu kemerosotan kualiti graduan undang-undang ini, sektor undang-undang akan ketinggalan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat Negara ini dan di pasaran antarabangsa.

### **Tuan-tuan dan puan-puan,**

Salah satu usaha ke arah memantapkan peperiksaan kelayakan bagi profesion undang-undang di Negara ini ialitu dengan mengadakan *Common Bar Course* bagi menggantikan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman telah diumumkan sebelum ini. Jawatankuasa *Common Bar Course* yang dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis Peguam sedang dalam proses menggubal modul, kurikulum, manual kursus dan segala dokumentasi yang diperlukan untuk melaksanakan *Common Bar Course*. Lembaga Kelayakan berharap *Common Bar Course* akan dapat menawarkan suatu bentuk latihan dan peperiksaan yang bertepatan dan bersesuaian dengan kehendak semasa serta dapat melahirkan barisan peguam yang berkaliber tinggi dan disegani.

Saudara saudari lulusan Sijil Amalan Guaman, saya berharap agar pendidikan undang-undang yang dilalui telah dapat membentuk cara berfikir secara bijak, kritikal, logik dan rasional. Di sini, saya ingin memetik kata-kata Samuel Johnson bahawa “*As it rarely happens that a man is fit to plead his own cause. Lawyers are a class of the community, who, by study and experience, have acquired the art and power of arranging evidence, and of applying to the points at issue what the law has settled. A lawyer is to do for his client all that his client might fairly do for himself, if he could.*”

Setiap pihak dalam suatu pertelingkahan akan mengemukakan hujah dan cuba meyakinkan pengadil atau hakim untuk menerima versi kejadian masing-masing. Seorang peguam bela yang baik tidak akan terus membuat kesimpulannya sendiri. Sebaliknya beliau dapat melihat kedua-dua versi dan mengemukakan hujah paling kukuh bagi pihak anak guamnya supaya pengadil atau hakim dapat mencapai keputusan yang adil.

Sebagai contoh, Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai isu pendatang haram di Sabah yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar Steve Shim Lip Kiong, mantan Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah memulakan *fact-finding proceedings* berdasarkan Terma Rujukan Suruhanjaya Diraja itu. Bagaimanapun, terdapat pihak-pihak yang telah memberikan komen dan

membuat kesimpulan mereka sendiri terhadap perkara-perkara yang berbangkit di peringkat awal prosiding di hadapan Suruhanjaya Diraja itu. Tindakan sebegini adalah *sub judice*; semua pihak sepatutnya tidak terlibat dalam “perbicaraan melalui media” atau “*trial by media*” dalam apa jua bentuk sama ada bercetak, secara elektronik atau sebagainya. Oleh itu, saya berharap sebagai lulusan undang-undang, saudara dan saudari mampu berfikir dan bertindak secara rasional dalam menghadapi isu-isu yang berbangkit dalam tugasan sehari-hari dan juga isu-isu semasa Negara. Elakkan membuat kesimpulan atau keputusan yang terburu-buru tanpa mengambil kira semua fakta dan keterangan yang ada. “*Speak fairly or be silent wisely*”.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

Pada Majlis Konvokesyen ke-tujuh belas Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, saya telah menyebut bahawa susulan daripada pembentangan laporan oleh Jawatankuasa Penilaian Semula program ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Multimedia pada akhir tahun 2011, Lembaga Kelayakan telah memberikan masa kepada kedua-dua universiti ini untuk melaksanakan beberapa terma bagi menambah baik pengajaran, penyampaian dan pembelajaran program undang-undang mereka selaras dengan standard yang telah ditetapkan oleh Lembaga.

Pelajar program ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian, Universiti Multimedia bagi sesi pengambilan 2009/ 2010 dan sesi seterusnya kini telah mendapat pengecualian penuh daripada keperluan menduduki dan lulus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman.

Sementara itu, permohonan Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu kepada Lembaga Kelayakan supaya pemegang ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Dengan Kepujian daripada universiti tersebut dikecualikan daripada keperluan menduduki dan lulus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman telah diambil tindakan. Suatu Jawatankuasa Penilaian bagi program ijazah itu telah ditubuhkan dan lawatan penilaian telah diadakan dari 3 hingga 6 November 2012. Ahli-Ahli Jawatankuasa ini dijangka akan melaporkan dapatan dan syor mereka kepada Lembaga dalam masa yang terdekat ini.

Jawatankuasa Penilaian bagi program ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang Dengan Kepujian, Universiti Sains Islam Malaysia juga telah ditubuhkan oleh Lembaga berikutnya permohonan oleh universiti itu agar pemegang ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang juga dikecualikan daripada keperluan menduduki dan lulus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman. Lawatan penilaian ke universiti itu sedang diatur.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, atau singkatannya, YBGK, telah mula beroperasi dalam bulan April 2012. Dalam tempoh yang singkat sejak penubuhannya sehingga 31 Januari 2013, YBGK dengan perkhidmatan oleh 788 orang peguam panelnya di seluruh Malaysia telah dapat memberikan bantuan dan nasihat guaman kepada 56,347 warganegara Malaysia yang kurang berkemampuan bagi kes-kes tangkapan, reman, jamin, mitigasi dan perbicaraan. Ini adalah selaras dengan hasrat penubuhan YBGK agar setiap rakyat Negara ini mendapat akses kepada khidmat guaman dan pembelaan serta keadilan yang sewajarnya dalam prosiding di mahkamah.

Sejumlah RM20 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan kepada YBGK untuk tahun 2013. Adalah menjadi harapan saya, sebagai Pengerusi YBGK, untuk melihat saudara saudari lulusan Sijil Amalan Guaman tampil ke hadapan dan mendaftarkan diri untuk mengikuti latihan yang dianjurkan oleh Majlis Peguam Malaysia dan seterusnya menawarkan khidmat guaman kepada golongan yang miskin dan tidak berkemampuan. Dengan cara ini, saya percaya, kerjaya saudara saudari dalam bidang kepegauaman akan lebih bermakna dan memuaskan. Melalui peredaran masa, saudara dan saudari pasti sampai ke suatu tahap kesedaran bahawa mengejar pangkat, kedudukan dan keuntungan materialistik semata-mata akan meninggalkan jiwa yang kosong. Melaksanakan tanggung jawab sosial kepada negara dari peringkat awal secara mendekati insan yang amat memerlukan bantuan dan khidmat guaman bukan sahaja mencerminkan imej yang positif kepada pengamal undang-undang tetapi juga membuka peluang kepada saudara saudari untuk menimba pengalaman dan kemahiran dalam mengendalikan kes-kes jenayah.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

Bagi pihak semua Ahli Lembaga Kelayakan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Encik Lim Chee Wee, yang bakal memberi laluan kepada Pengerusi Majlis Peguam yang akan dipilih kelak, untuk menjadi Ahli Lembaga Kelayakan. Dalam tempoh 2 tahun menjalankan tugas sebagai Ahli Lembaga, Encik Lim Chee Wee tidak pernah jemu menyuarakan pandangan dan memberikan pelbagai cadangan yang bernalas dan praktikal dalam menjalankan fungsi Lembaga.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Arif Dato' Hashim Hamzah, mantan Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia yang telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman mulai 1 November 2012, atas sumbangan beliau di sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Setiausaha Lembaga Kelayakan.

Seterusnya, saya ingin mengalu-alukan pelantikan Puan Azimah Omar sebagai Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia merangkap Setiausaha

Lembaga Kelayakan yang baru mulai bulan Februari tahun ini. Saya percaya beliau akan memberikan sumbangan yang terbaik kepada Lembaga.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada kesemua Penyedia Kertas Soalan, Pemeriksa Skrip Jawapan dan ahli Jawatankuasa Pemeriksa atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan kepada Lembaga Kelayakan. Sesungguhnya pengekalan standard Peperiksaan Sijil Amalan Guaman sebagai suatu kelulusan bertaraf profesional dan berintegriti tidak akan tercapai tanpa kesedaran dan dedikasi yang ditunjukkan oleh setiap mereka dalam menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan.

Seperti tahun-tahun yang lalu, Seksyen Peperiksaan, Universiti Malaya telah membantu Lembaga Kelayakan mengendalikan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman tahun 2012. Saya bagi pihak Lembaga Kelayakan merakamkan ucapan terima kasih atas kerjasama dan kecekapan semua pegawai dan kakitangan Universiti Malaya yang terlibat bagi memastikan peperiksaan berjalan dengan lancar, terutamanya dari segi pematuhan peraturan peperiksaan oleh calon-calon.

### **Tuan-tuan dan puan-puan,**

Peperiksaan Utama Sijil Amalan Guaman tahun 2012 telah diadakan dalam tempoh antara 9 Julai dan 18 Julai 2012. Peperiksaan Tambahan pula telah diadakan pada 22 Oktober 2012. **860 orang calon telah menduduki Peperiksaan. Jumlah yang lulus ialah 350 orang calon atau bersamaan 40.70 peratus.** Peratus kelulusan untuk peperiksaan pada tahun sebelumnya, iaitu 2011, ialah 45.38 peratus, iaitu 373 orang calon yang lulus daripada jumlah keseluruhan 822 orang calon.

Selanjutnya, bagi Peperiksaan tahun 2012, **seramai 40 orang calon mendapat Kelulusan Bersyarat atau bersamaan 4.65 peratus. Seramai 470 orang calon atau 54.65 peratus, gagal.**

Lembaga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada calon-calon yang akan dianugerahkan Sijil Amalan Guaman. Kejayaan ini pastinya tidak dapat dikecapi tanpa sokongan padu ibu-bapa dan kaum keluarga para lulusan. Oleh itu, tahniah diucapkan kerana segala pengorbanan mereka telah membuatkan hasil yang tidak ternilai.

Ada antara saudara dan saudari yang akan bakal menjadi penerima hadiah khas atas pencapaian yang cemerlang, termasuk hadiah berprestij iaitu "Hadiah Sultan Azlan Shah" atau "*Sultan Azlan Shah Award*" yang berupa satu Pingat Emas dan Sijil Khas bagi calon yang mendapat pencapaian Kelas Satu dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman. Syabas diucapkan!

Lembaga merakamkan ribuan terima kasih kepada Yayasan Tun Abdul Hamid Omar, yang bukan sahaja telah menyumbangkan Hadiah Lulusan Terbaik

Keseluruhan sejak tahun 1997, malahan telah bermurah hati untuk meningkatkan jumlah sumbangan daripada RM5,000/- kepada RM7,500/- untuk Peperiksaan tahun 2012. Terima kasih!

Di samping itu, Badan Kehakiman, Majlis Peguam Malaysia dan Dekan-Dekan Fakulti Undang-Undang, Pemberi Pendidikan Tinggi Awam tetap sudi menyumbangkan hadiah bagi setiap mata pelajaran dan kepada mereka juga, berbanyak terima kasih.

Pencapaian saudara saudari yang diraikan pada hari ini tidak seharusnya tamat di sini. Setiap lulusan Sijil Amalan Guaman mempunyai potensi untuk memberikan perkhidmatan dan sumbangan yang terbaik dalam apa jua pilihan kerjaya masing-masing dan justeru, menyumbang kepada pembangunan Negara kita yang tercinta.

**Ampun Tuanku,**

Sekali lagi patik bagi pihak Ahli-Ahli Lembaga Kelayakan dan semua yang hadir menjunjung kasih dan merakamkan penghargaan yang tidak terhingga ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah berkenan berangkat ke Majlis ini. Ampun Tuanku.

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.